



SAHABAT sejati sedia menghulurkan bantuan ketika anda senang atau susah.
- Gambar hiasan

PERSAHABATAN antara Saiyidina Abu Bakar dan Nabi Muhammad SAW wajar dijadikan contoh sehinggakan walaupun diancam bunuh oleh kaum Quraisy, Abu Bakar tidak pernah ragu dan tetap berhijrah bersama ke Madinah.



Memilih sahabat dunia akhirat

AN-NUR

Bersama PROF. MADYA DR. FARIZA MD. SHAM
 Terbitan Pengarah E-kesu #12
 Pusat Strategi UPM dan Felo
 Penyelidikan & Inovasi
 Halqah UPM



SOALAN

SIFAT manusia cenderung untuk berkawan dan bersosial dengan orang di sekeliling. Bagaimanapun, adakalanya sukar untuk kita mengenali siapakah individu yang benar-benar boleh dijadikan sahabat atau tidak.

Bolehkah Dr. berikan panduan untuk memilih sahabat yang baik?

JAWAPAN

MANUSIA tidak boleh hidup secara sendirian dan fitrah manusia dijadikan untuk berinteraksi dengan orang di sekeliling.

Dalam hal itu, Allah telah memberikan garis panduan dan teori asas mengenai keadaan individu yang boleh dijadikan kawan atau sahabat.

Soal memilih sahabat perlu diberi penekanan kerana sahabat yang baik akan membawa manfaat kepada kehidupan dunia sama ada ketika berada dalam kesusahan mahupun kesenangan.

Bahkan sahabat yang baik juga akan memberi manfaat kepadanya bagi kehidupan di akhirat kelak.

Antara sifat-sifat seorang sahabat yang baik ialah:

● Bersifat melindungi

Sahabat yang baik sedia melindungi diri kita daripada menjadi mangsa penganiayaan, kezaliman, dipukul, dikhianati dan dicerderakan oleh pihak lain.



FITRAH manusia dijadikan untuk berinteraksi dengan orang di sekeliling.
- Gambar hiasan

● Membalas budi

Sahabat sejati seharusnya membalas budi baik yang telah dilakukan oleh sahabatnya walaupun ia tidak pernah diminta.

● Rela membantu

Sedia menghulurkan bantuan ketika berada di dalam kesusahan atau kesulitan yang sedang dihadapi dengan apa jua bentuk.

● Menghargai jasa

Menghargai sesuatu kebajikan atau bantuan dalam bentuk ucapan seperti terima kasih sama ada di depan atau di belakang kita.

● Memelihara keaiban

Setiap orang mempunyai keburukan atau cela. Seorang

sahabat perlu bersedia merahsiakan aib.

Contohnya, ketika sahabatnya menanggung malu oleh sesuatu sebab, maka sahabat hendaklah menutup perkara itu daripada diketahui umum.

● Sudi berkorban

Bersedia dan sanggup berusaha bersungguh-sungguh untuk menolong sahabatnya yang lain. Walaupun jika tidak mampu menolong, alternatif lain akan dicari bersama.

● Prihatin

Suka bertanya tentang kesusahan atau kesulitan yang dihadapi sahabatnya dan sedia membantu. Ia bukan bermotif untuk menyebarkannya dan

mengambil kesempatan atas kesulitan tersebut.

● Bekerjasama

Bekerjasama dalam perkara kebaikan dan bukan bekerjasama atau bersepakat untuk melakukan keburukan seperti mengkhianati orang lain.

Model persahabatan yang boleh dijadikan contoh ialah antara Nabi Muhammad SAW dan Saiyidina Abu Bakar.

Kesetiaan Abu Bakar dalam persahabatan dapat dibuktikan apabila beliau sanggup meninggalkan segala kemewahannya demi bersama Rasulullah untuk menyebarkan Islam.

Walaupun diancam bunuh oleh kaum Quraisy, beliau bersama-sama berhijrah ke Madinah bersama baginda dan tidak pernah merasa ragu terhadap apa yang diperkatakan oleh Rasulullah sehingga beliau mendapat gelaran *as-Siddiq*.

Secara realitinya, hari ini sangat sukar untuk menemui sahabat yang benar-benar ikhlas dan tidak mengkhianati sahabatnya.

Tetapi, sahabat atau kawan yang baik tetap ada kerana tidak semua manusia bersifat buruk.

Itulah sebabnya, Islam mengajar kita untuk berhati-hati dalam memilih kawan, agar kita hidup bahagia di dunia dan akhirat.

Kita pula apabila menjadi seorang sahabat, hendaklah ikhlas dalam persahabatan dan janganlah bersifat seperti peribahasa Melayu, seperti gunting dalam lipatan.